



Seruan untuk Pemimpin

“Dunia ini amat memerlukan pemimpin; pemimpin yang baik dan yang berhikmat.”¹

“Apabila Amerika Syarikat tidak mahu memegang kepimpinan, manakala kuasa-kuasa Eropah dan yang lain tidak dapat mengisi kekosongan ini, politik global dalam tahun-tahun kebelakangan ini telah memasuki satu keadaan kaku.”²

Kualiti Pemimpin

Pendapat mengenai pemimpin yang di atas, mungkin bukan semua dapat bersetuju. Namun demikian memang fakta yang tidak dapat dinafikan bahawa dunia ini termasuk Malaysia sememangnya amat memerlukan pemimpin. Apakah itu Pemimpin? CEO Barna Group (George Barna) mendefinisikan secara komprehensif istilah Pemimpin: “Pemimpin Kristian itu dipanggil oleh Allah untuk memimpin rakyat. Pemimpin ini memimpin seperti Kristus. Kemampuan dan fungsi pemimpin ini cukup untuk membawa sebuah kepimpinan yang berhasil.”³

Sekiranya definisi pemimpin ini digunakan di dunia sekular, mungkin akan dianggap kurang sesuai. Tetapi definisi George Barna ini sudah merangkumi sifat kepimpinan yang integriti. Berdasarkan soal selidik kepada 1,500 pengurus di Amerika, apa yang mereka inginkan dari pihak atasan pengurusan ialah empat sifat iaitu integriti, jujur, amanah dan perwatakan yang baik. Melalui kajian susulan daripada 2,600 CEO yang terunggul, mereka menetapkan satu senarai ciri-ciri kepimpinan, Integriti menduduki tempat yang pertama!⁴

Integriti menjadi tumpuan utama bagi kualiti seorang pemimpin, namun apakah maksud sebenar integriti? “Integriti adalah lengkap, atau dikatakan sepenuh hati, tanpa gangguan, kualiti hidup yang lengkap atau sempurna. Perkataan Integriti berasal dari kata “integer” dalam bahasa Latin, bermaksud sempurna atau lengkap.”⁵ Seorang yang berintegriti: hati, pemikiran dan perlakuannya adalah serata / sama. Ini bermaksud bahawa prinsip, sikap, pertuturan dan tingkah lakunya adalah konsisten and serasi. Dia tidak bercakap besar sehingga terkeluar daripada kenyataan. Hati dan mulutnya konsisten; percakapan dan perbuatannya juga konsisten; serta tiada kemunafikan. Orangnya tulus dan lurus, membezakan benar dan yang salah, tidak tamak dan tidak rasuah. Pentadbirannya dalam keadaan kestabilan sosial, kesaksamaan, keharmonian sejagat dan saling melindungi.

¹ “We live in a world in desperate need of leadership. Good, wise Leadership.”(Ron Boehme, Youth with America Founder, Revive America Project Leader.)

² “Global politics have come to a standstill in recent years with the United States unwilling to show leadership and Europe and other major powers unable to fill the vacuum.”(Germany: *Der Siegel Magazine*, Feb., 1, 2013)

³ 巴乔治,《领导话领导》(Leaders on Leadership),谭国治译(香港:天道书楼,2008),1-16.

⁴ 由美国管理协会所资助的 James M. Konzles and Barry Z. Posner 领袖研究调查。安迪史坦力,《N 世代领导 5C》(The Next Generation Leader),杜宏毅/林大萌译(台北:中国主日学协会,2004),165-77

⁵ “国际领袖学院”(International Leadership Institute,ILI)。

“Integriti” istilah ini muncul di mulut musuh Yesus, semasa mereka berdialog dengan-Nya. Ada satu kali orang Farisi dan orang anggota golongan Herodes hendak mencari kesalahan Yesus, supaya mereka boleh mengajukan tuduhan terhadap Dia. Mereka bertanya, “Guru, kamu tahu bahawa apa yang guru katakan dan ajarkan itu benar (integriti). Kami tahu bahawa guru tidak memandang kedudukan orang, tetapi guru mengajar kehendak Allah bagi manusia dengan terus terang. Katakanlah, menurut Taurat bolehkah kita membayar cukai kepada Kaisar Roma? ...” Ini jelas menyatakan mungkin peribadi sahsiah pemimpin sekular itu tidak seberapa, namun mereka pun berharap pengikut-pengikut atau pekerja-pekerja mereka mempunyai integriti.

Sebaliknya pandangan kepimpinan George Barna merangkumi 3 kualiti iaitu sikap sahsiah yang baik, daya kepimpinan dan panggilan Allah. Keupayaan kepimpinan sebagai pemimpin sudah tentu perlu, ia tergolong dalam kategori watak dan integriti serta panggilan. Bagi pemimpin sekular, tidak mengira latar belakangnya, Allah boleh seperti dalam sejarah menguasai fikiran raja Koresh seperti Dia menentukan aliran sungai, tanpa disedari mereka sudah melaksanakan kehendak Allah. Tentu saja Allah juga boleh menggunakan cara pilihanraya demokrasi iaitu melalui pengundi dengan cara yang sah, memilih pemimpin sekular yang Dia hendak. Secara amnya, pemimpin sekular haruslah berperibadi integriti, muncul dengan cara yang sesuai, dan mempunyai daya kepimpinan. Jika tidak pemimpin yang dikatakan itu adalah tidak layak maka rakyat terpaksa menderita!

Kekosongan Pemimpin?

Bagaimana dengan kepimpinan di Malaysia sekarang? Khususnya pihak yang memegang kuasa, apa yang dia katakan dan lakukan akan menentukan kebangunan dan kejatuhan Negara, dan bagaimana pula dengan kualiti kepimpinan mereka? Kita sebagai rakyat Negara, inilah yang kita ambil berat. Syarikat 1MDB berhutang 42 billion ringgit, perdebatan tentang kes pengurusan kewangan yang dilaporkan oleh Wall Street Times, tuduhan yang mengikut pilihan, penundaan pelaksanaan keputusan Mahkamah Tinggi, isu-isu perkauman yang sering diungkitkan sehingga membangkitkan perbalahan antara kaum, tetapi yang harus bersuara langsung berdiam, bahasa menjadi isu agama, pendidikan dipolitikkan, dan isu-isu tentang cara pakaian...

Semua hal ini jelas memberitahu bahawa kepimpinan Negara kita mempunyai ruangan yang sangat besar untuk membuat peningkatan. Terdapat kata-kata bahawa pegawai-pegawai tinggi yang menyalahgunakan kuasa dan menerima rasuah haruslah mengundur diri. Ada sesetengah pengkritik mengatakan bahawa keadaan Malaysia yang istimewa ini, untuk mencari seorang pemimpin yang sesuai dan layak itu tidak semestinya mudah, entah-entah akan meletakkan Negara di bawah pemerintahan agama mutlak, yang ekstrem dan melampaui rasional, sehingga bukan kemajuan melainkan semakin mundur, kesan yang mengeluhkan dan tidak dapat patah balik. Dengan kata lain, apakah Negara Malaysia dalam situasi kekosongan pemimpin?

Oleh itu, kita harus secara mendesak berdoa kepada Allah untuk membangkitkan seorang pemimpin yang sesuai di hadapan-Nya! Dalam kebuntuan manusia, doa adalah jalan keluar. Dalam masa kegentingan Negara, nabi tanpa berhenti memberi amaran kepada raja supaya

M24/7 Panduan Doa Ogos

tidak berharap kepada kuasa asing, melainkan berpaling kepada Allah untuk mendapat kemenangan. Ketika Raja Salomo berkahwin dengan puteri Negara asing, walaupun terdapat unsur nafsu, tetapi juga merupakan perkahwinan politik untuk mengadakan hubungan diplomatik dan mengukuhkan kuasa pemerintahan; akibatnya mereka meninggalkan TUHAN, musuh dibangkitkan dan selepas kemangkatannya kerajaan berpecah. (1 Raja-raja 17; 2 Tawarikh 10)

Pernah juga tiga raja sekutu Moab menyerang kerajaan selatan Yehuda, Raja Yosafat bertekad untuk bersandar kepada Allah, memerintah rakyatnya untuk berpuasa, menghantar puak koir yang memakai jubah suci untuk bertempur, akhirnya Allah mengutus askar-askar membuat serangan hendap, mengakibatkan musuh saling membunuh. (2 Taw. 20). Ketika berhadapan dengan serangan pasukan besar Asyur, Raja Hezekiah dan Nabi Yesaya bersama-sama berseru kepada Allah, utusan Allah pada tengah malam keluar ke khemah Asyur, membunuh askar-askar seramai 180 ribu orang. (2 Taw 32; Yes 37). Semua peristiwa sejarah ini menyatakan bahawa Allah menjawab doa umat-Nya dan Dialah Allah melakukan mukjizat.

Kerajaan Negara kita telah mengalami perubahan yang mendadak, aneh dan mengejutkan ramai orang. Apakah yang sebenarnya berlaku? Orang yang berdoa tidak boleh tidak percaya bahawa Allah sememangnya hidup di kalangan kita, mendampingi anak-anak-Nya. Ini kerana ketika umat-umat Allah berdoa, peperangan rohani akan sangat ketara. Walaupun umat-umat yang berdoa ini banyak menghadapi kesusahan, tetapi dengan pertolongan-Nya kemenangan akan diperolehi. (Daniel 9:12-14). Kebelakangan ini, seruan berpuluh-puluh ribu pendoa syafaat bukan sekadar didengar oleh Allah, malah Dia sudah menjawabnya; Dia sedang melakukan perkara-perkara yang menakjubkan di Negara kita.

Berdoa untuk Pemimpin

1. Berdoa untuk pemimpin negeri dan Negara supaya mereka ada tuntutan terhadap kualiti kepimpinan pada diri sendiri; memohon Allah yang menganugerahkan kuasa itu memberikan mereka tekad untuk menjadi pemimpin yang berupaya dan berintegriti, malahan berasa bangga terhadap kualiti tersebut.
2. Memohon Roh Kudus mendesak pemimpin yang kurang berintegriti untuk datang kepada Allah: bertaubat daripada sikap dan percakapan yang mementingkan diri, tidak jujur, tidak amanah, tidak adil dan memutarbalikkan kenyataan; bertekad untuk meninggalkan kehidupan yang tidak benar.
3. Berdoa untuk semua tahap pemimpin negeri dan Negara supaya saling mendorong dan saling berjaga-jaga, berusaha untuk menjadi pemimpin yang amanah dan mengasihi rakyat serta berkemampuan untuk memimpin.
4. Berdoa supaya rakyat mempunyai nilai pandangan yang benar tentang seorang pemimpin, berpandangan jauh dan besar, ketika pilihanraya mereka mampu untuk menyingkirkan sikap mengejar keuntungan dan pembangunan yang sementara, melainkan mengundi calon yang berintegriti dan berpandangan politik yang benar.

M24/7 Panduan Doa Ogos

5. Berdoa untuk rakyat supaya menjadi seorang berintegriti, sehingga bila mereka berani untuk menegur pemimpin yang bersikap tidak adil dan saksama. Mempunyai keupayaan untuk memantau pemimpin-pemimpin dalam melaksanakan pentadbiran Negara.
6. Berdoa supaya TUHAN semesta alam berbelas kasihan kepada Malaysia. Bertakhta di kalangan kita. Dengan kuasa dan kebijaksanaan-Nya yang tinggi, menghalang kepimpinan yang tidak adil dan saksama. Biarlah keadilan Allah mengalir seperti sungai dan kejujuran mengalir seperti air yang tidak pernah kering. Berilah pemimpin yang sesuai kepada kita supaya dapat membina keadilan dan keharmonian Negara. (Amos 5:24)
7. Semoga Allah yang memanggil kita, membangkitkan umat-Nya yang berkurnia pemimpin untuk menceburkan diri dalam bidang politik, supaya dapat membina masyarakat yang adil dan mentadbir Negara menurut kehendak-Nya dalam zaman pergolakan ini.
8. Memohon Allah yang penuh rahmat melindungi pemimpin yang berintegriti, tidak memberi peluang kepada iblis untuk menyerang mereka dan mempunyai kekuatan untuk meneruskan perkhidmatan kepada rakyat. Ketika perlu bersuara dan membuat rancangan mereka mempunyai urapan daripada Allah sehingga mereka teguh dan tidak goyah, supaya boleh meneruskan perkhidmatan.
9. Memohon Allah yang memberikan kuasa kehakiman, menopang semua tahap kepimpinan kehakiman dan perundangan. Biarlah mereka bertekad mempertahankan keadilan, berjaga-jaga dalam kehidupan, sehingga berani dan mempunyai nilai moral yang tinggi untuk membuat penghakiman yang adil, tidak mencari keuntungan sendiri, tidak takut kepada kuasa yang keras, melainkan berasa puas dengan membangunkan masyarakat yang adil.
10. Berdoa agar yang melaksanakan undang-undang dapat berjaga-jaga untuk hidup amanah, mempunyai wawasan untuk melindungi Negara dan masyarakat, bangga dan rela berkorban untuk membina masyarakat yang aman dan stabil. Biarlah mereka dihargai dan dikasihi oleh rakyat jelata, bersatu hati sehingga memudahkan pelaksanaan undang-undang Negara untuk mewujudkan senario kedamaian Negara dan keamanan masyarakat.